

Misi pencarian mangsa nahas MH17 di kawasan bergolak mencabar

Pengalaman pasukan sains forensik praktik kepakaran, timba pengalaman baharu di Ukraine

Watak Leftenan Horatio Caine yang dibintangi pelakon Hollywood, David Caruso dalam drama penyiasatan terkenal *CSI Miami* yang disiarkan sekitar awal tahun 2000 mendapat sambutan serta menjadi siri ikutan ramai. Ketelitian dan ketekunannya yang mengetuai makmal jenayah polis Miami mengkaji serta menilai kawasan kejadian jenayah benar-benar memukau penonton.

Dari sekecil-kecil bukti dikumpul dan dicantumkan seperti bermain *jigsaw puzzle* akhirnya berjaya mendapat jawapan serta pembuktian kepada jenayah dilakukan.

Itu cerita dalam drama. Realitinya, sains forensik memainkan peranan lebih besar, bukan hanya dalam bidang jenayah, tetapi juga alam sekitar.

Dalam kes pesawat malang Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang ditembak jatuh pada 17 Julai 2014 di wilayah bergolak di Ukraine yang mengorbankan 298 penumpang dan kru ketika dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur, sains forensik memainkan tugas utama dalam pencarian mayat dan bukti.

Ketua Penolong Pengarah D13 (Databank DNA dan Komander DVI) Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Asisten Komisioner Hussien Omar Khan, ketika berkongsi pengalaman dalam mengendali-

kan kes MH17, memberitahu pakar sains forensik antara kumpulan pertama yang tiba di kawasan kejadian untuk mengumpulkan mayat dan bukti.

Dalam fasa pertama itu, kira-kira 200 petugas mewakili pelbagai bidang termasuk polis, pakar forensik, perubatan, pegawai agama dan ahli patalogi berlepas ke Ukraine pada 17 Julai 2014 dan menyertai Pasukan Petugas Bersama Antara Agensi (CJIATF MH17) yang dianggotai beberapa negara lain termasuk Belanda, Australia, Jerman dan Belgium.

Tiga misi pencarian nahas MH17

Tiga negara iaitu Malaysia, Belanda dan Australia memainkan peranan utama kerana kebanyakan penumpang adalah dari tiga negara ini. Tiga misi dilaksanakan secara berperingkat.

Dalam misi pencarian pertama ini, pasukan bertugas menumpukan pencarian mayat dan barangan peribadi penumpang pesawat MH17. Seterusnya mencari punca kemalangan dan bukti serta serpihan bangkai pesawat.

Fasa pertama dikendalikan Perkhidmatan Kecemasan Negara Ukraine yang mengumpulkan mayat dan dimasukkan dalam beg hitam di pekan Torez. Ia kemudian dihantar ke Kharkiv, timur Ukraine menggunakan kereta api untuk diproses termasuk bedah siasat dan imbasan ba-

han letupan sebelum diterbangkan ke Belanda dengan penuh penghormatan.

“Sesetengah kawasan adalah kawasan ladang bunga matahari yang sedang mekar. Memang agak sukar untuk mencari cebisan mayat dan serpihan pesawat. Pasukan petugas khas itu menjalankan tugas dengan teratur dan sistematik. Antara kaedah digunakan adalah pasukan petugas khas itu beratur dalam satu barisan panjang dan mencari mayat di kawasan dalam lingkungan itu sebelum bergerak ke arah lain.

“Ada mayat yang tercampak jauh dan agak sukar mencari di kawasan dipenuhi pokok bunga matahari yang sedang mekar,” katanya dalam pembentangan kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Sains Forensik (iENFORCE 2015), anjuran Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Hussien berkata, disebabkan keadaan yang tidak mengizinkan bagi fasa pertama pada 23 Julai hingga 6 Ogos 2014, 700 petugas dari Australia, Malaysia dan Belanda terbabit dalam operasi ini perlu beredar kerana isu keselamatan. Ketika ini, antara cabaran dihadapi pihak pasukan forensik adalah bekerja di tempat bergolak sambil dikawal ketat oleh puak pemisah.

Katanya, berkerja di kawasan perang adalah cabaran utama pasukan penyiasat kerana tembakan masih



Pasukan operasi nahas MH17 mencari mayat dan bukti di kawasan pesawat terhempas di Donetsk, timur Ukraine.

boleh didengari walaupun pihak berkuasa tempatan mendakwa gencatan senjata berkuat kuasa.

Dengar letupan satu kilometer dari tempat operasi

“Lebih mengherankan, kami dapat mendengar letupan kira-kira satu kilometer dari tempat kami menjalankan tugas. Tidak mustahil pada bila-bila masa tembakan boleh menghalu ke arah petugas. Ada kala kami hanya diberi masa sejam sahaja oleh pihak pemisah untuk menyelesaikan tugas siasatan.

“Jadi, pihak CJIATF MH17 memutuskan supaya tidak meneruskan kerja pencarian di kawasan itu. Pada masa sama, beberapa mayat dan barang peribadi turut dijumpai. Secara keseluruhan, ada empat kawasan utama yang banyak mayat serta barang peribadi dan serpihan bangkai pesawat ditemui.

“Selain itu, ada berita mengenai kewujudan jerangkap samar di kawasan pencarian sehingga menyebabkan pihak Australia menarik diri dalam misi terakhir kerana bimbang keselamatan petugas,” katanya.

Bukan itu sahaja, antara cabaran lain dihadapi petugas dari Malaysia adalah bahasa serta cuaca sejuk terutama pada misi terakhir yang dilaksanakan pada musim sejuk.

“Ketika bekerja tidak terasa sangat kesejukan, tetapi apabila berhenti memang tidak tahan dengan cuaca. Jadi pihak Belanda akan menyuruh kami masuk ke kenderaan ketika rehat dan alat pema-



MONA AHMAD

mona@bh.com.my



“Kita menggunakan perisian dan mencari dalam lingkungan setiap lima meter, sama ada mayat, barangan peribadi atau serpihan bangkai pesawat. Ketika di sana, pihak petugas dikawal ketat oleh pihak pemisah dan mereka memberikan peruntukan masa, kadang kala hanya sejam sahaja”

Hussien Omar Khan,
Ketua Penolong Pengarah D13 (Databank DNA dan Komander DVI) Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM



Pasukan penyiasat berdoa dan bertafakur sebelum operasi pencarian di tapak nahas MH17.

FAKTA NOMBOR

700 petugas

dari Australia, Malaysia dan Belanda terbabit dalam operasi fasa pertama MH17

3,700 tulang

manusia ditemui dalam operasi MH17



Bangkai enjin pesawat MH17 yang terhempas di Donetsk, timur Ukraine.

nas dipasang," katanya.

Bagi memudahkan pencarian, imej satelit digunakan untuk mengenal pasti lokasi sebenar mayat dan serpihan pesawat berbanding mencari secara manual di kawasan ladang gandum dan bunga matahari yang luas.

"Kita menggunakan perisian dan mencari dalam lingkungan setiap lima meter, sama ada mayat, barangan peribadi atau serpihan bangkai pesawat. Ketika di sana, pihak petugas dikawal ketat oleh pihak pemisah dan mereka memberikan peruntukan masa, kadangkala hanya sejam sahaja," katanya.

Fasa seterusnya pada 7 Ogos hingga 10 Oktober 2014, sekumpulan kecil petugas meneruskan tugas menjalinakan hubungan dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) tempatan, orang kampung dan gereja untuk mendapatkan maklumat mengenai kejadian nahas itu.

Operasi cari barang peribadi mangsa dalam salji tebal

Mereka diberi maklumat menerusi poster, risalah dan penerangan mengenai pengumpulan barangan peribadi mangsa dan apa sahaja yang berkaitan dengan pesawat malang itu. Fasa seterusnya adalah 10 Oktober hingga 24 Disember 2014, apabila Perkhidmatan Kecemasan Negara (SES) mahu operasi pencarian barangan peribadi dilakukan dalam salji tebal.

"Ada pihak yang menemui serpihan tulang mangsa nahas di tempat

kejadian dan berita itu mendapat liputan meluas. Disebabkan tekanan masyarakat dan media, Belanda menghantar pasukan, bagaimanapun wakil dari Malaysia tidak dihantar kerana keadaan cuaca sejuk dengan bacaan di bawah paras beku sekitar -10 yang menyukarkan tugas pencarian," katanya.

Dalam misi keempat yang juga berakhir pada April tahun ini, Malaysia turut serta.

"Kami bergerak menggunakan kereta perisai. Sehingga misi terakhir ini, pasukan berjaya mengenal pasti 296 mangsa hanya dua sahaja yang gagal dikenal pasti, malah tidak dijumpai. Jadi kami mula menggali kawasan itu, ada sesetengah tulang tertanam kerana impak yang kuat. Kita terpaksa melakukan pencarian arkeologi forensik dengan menggali

kawasan yang berkemungkinan ada tulang tertanam.

"Dalam kedalaman dua kaki (0.6 meter), kami masih dapat menemui tulang. Apabila bahagian besar pesawat jatuh dan terbakar, ada bahagian yang tertanam dalam bumi. Sehingga misi terakhir sejumlah 3,700 tulang manusia ditemui dan sesetengah serpihan bangkai pesawat turut ditemui," katanya.

Beliau menyifatkan pengalaman menyertai pasukan penyiasat antarabangsa membuka peluang untuk mempraktikkan kepakaran selain menimba pengalaman baharu bekerja di negara asing. Secara keseluruhan, misi di kawasan kejadian di Ukraine sudah 99 peratus selesai dan tempat kejadian itu kini ditanam rumput serta dibina tanda peringatan berlakunya nahas MH17.



DENGAN KERJASAMA



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiarkan sehingga 31 Disember 2015.

博物馆
Bówùguǎn
Muzium



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:
Tel : 603 - 61511662
Faks : 603 - 61435166
Laman Web : www.hccm.com.my/ms
E-mel : info@hccm.com.my

SIRI 251

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video

- Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci carian ZOOM BH
- Imbas keseluruhan kotak merah
- Video dimainkan

BH logo and contact information: 1300 22 6787, www.bharian.com.my, The New Straits Times Press (M) Bhd